NO. SOALAN: 110

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 18 MEI 2016

SOALAN :

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nilai harta serta jumlah wang baitul mal yang terkumpul sehingga kini dan memperincikan program-program kegunaannya bagi memperkasakan pembangunan ummah dalam negara.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan,, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal agama Islam termasuklah urusan Baitulmal terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, persoalan mengenai nilai harta serta jumlah wang baitul mal yang terkumpul perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

313

Di Wilayah Persekutuan, urusan Baitulmal diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Harta Baitulmal di Wilayah Persekutuan adalah terdiri aset tetap iaitu hartanah yang dibangunkan untuk tujuan pendidikan, perlindungan, kebajikan, kesihatan dan prasarana umat Islam serta harta semasa. Nilaian dan jumlah harta boleh dirujuk di dalam laporan tahunan dan penyata kewangan diaudit yang dibentangkan pada setiap tahun di Mesyuarat Parlimen.

Mengenai program-program dalam menggunakan dan memanfaatkan dana tersebut, pelbagai usaha telah dilaksanakan. Ia diagihkan melalui dua bentuk iaitu secara langsung dan secara tidak langsung.

Melalui **agihan secara langsung,** golongan asnaf akan menerima bantuan-bantuan menerusi skim-skim bantuan yang merangkumi aspek keperluan asasi, pendidikan, berdikari, kebajikan dan dakwah.

Manakala menerusi **agihan secara tidak langsung** pula, MAIWP melaksanakannya melalui penubuhan dan pembangunan infrastruktur dan prasarana yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa panjang. Antaranya dalam bidang pendidikan, MAIWP telah membangunkan Institut Kemahiran Baitulmal, Institut Profesional Baitulmal, Sekolah Menengah Agama MAIWP, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz SMISTA) dan Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI.

Dalam aspek perlindungan dan kebajikan, dana tersebut juga telah digunakan untuk membangunkan beberapa kompleks seperti Darul Kifayah untuk anak-anak yatim di kalangan asnaf fakir & miskin dan Dar Assaadah untuk wanita yang terjebak dalam gejala sosial.

Sekian, terima kasih.